

4 reformasi perundangan perkasa perumahan negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membawa empat pembaharuan perundangan bagi memperkukuh tadbir urus serta memastikan sektor perumahan negara lebih tersusun, telus dan responsif terhadap perubahan landskap dalam negara.

Empat pembaharuan berkenaan membabitkan Akta Pemaju Harta Tanah, Akta Pengurus Bangunan dan Akta Sewaan Kediaman serta pindaan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, berkata Akta Pemaju Harta Tanah kini berada pada peringkat akhir semakan dan akan menyediakan kerangka perundangan lebih menyeluruh bagi mengawal selia sektor pembangunan hartanah.

“Perundangan sedia ada mempunyai skop kuasa yang terhad kepada pembangunan rumah dan tidak merangkumi hartanah komersial, termasuk kedai serta projek komersial.

“Akta Pembangunan Hartanah akan menjadi kerangka perundangan yang lebih komprehensif untuk kita melangkah ke arah negara maju,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Dasar Perumahan Negara (DRN) 2026-2035 di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, Akta Pengurus Bangunan pula penting bagi memastikan pengurusan hartanah bersama dilaksanakan secara lebih selamat, selesa dan mampan.

Katanya, ketika ini Malaysia mempunyai hampir tiga juta unit hartanah bersama dalam lebih 27,000 skim perumahan, termasuk kondominium dan pembangunan SOHO

Sementara itu, katanya Akta Sewaan Kediaman akan diperkenalkan bagi memastikan hak pemilik dan penyewa dilindungi secara lebih seimbang menerusi kerangka perundangan yang jelas.

Dalam pada itu, Kor Ming berkata pindaan Akta Pengurusan Strata 2013 akan dilaksanakan bagi memperkukuh tadbir urus serta pengurusan hartanah strata, selaras dengan pertumbuhan penduduk yang tinggal di kawasan bandar dan pembangunan berstrata.

Dalam perkembangan berkaitan, Kor Ming berkata, KPKT akan memperkenalkan analitik data raya mulai tahun depan bagi membantu menangani ketidakpadanan antara penawaran rumah dengan keperluan sebenar rakyat mengikut lokaliti.